

## Dadah: Pengusaha dobi ke tali gantung

28 Disember 2011

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH

utusankedah@utusan.com.my

ALOR SETAR 27 Dis. - Mahkamah Tinggi di sini hari ini menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas seorang pengusaha kedai dobi selepas didapati bersalah mengedara 1,059 gram kanabis, tahun lalu.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Zakiah Kassim menjatuhkan hukuman itu ke atas Md. Nazli Sahid, 39, selepas mendapat pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

Md. Nazli yang memiliki sebuah perniagaan dobi di Bukit Mertajam, Pulau Pinang didapati melakukan perbuatan tersebut di halaman rumah No. 33, Taman Sri Hartamas, Mergong di sini kira-kira pukul 10 malam, 24 Disember 2010.

Dia didakwa mengikut Seksyen 39B(1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B (2) akta sama yang memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan.

Md. Nazli yang merupakan bapa kepada seorang anak dilihat menundukkan kepala ketika hukuman dijatuhkan.

---

Pendakwaan dikendalikan Ketua Unit Pendakwaan Negeri, Datuk Razali Che Ani manakala tertuduh diwakili peguam, J. Martin.



Md. Nazli Sahid dibawa keluar dari Mahkamah Alor Setar, semalam setelah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati atas kesalahan mengedar dadah.